

**KAJIAN PELAKSANAAN AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
DI SEKOLAH MENENGAH : SATU TINJAUAN DI DAERAH
KLANG SELANGOR**


ZALINA BTE KOSNIN @ SARKON

**LAPORAN PROJEK DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasannya yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

30 APRIL 2005


ZALINA BTE KUSNIN @ SARKON
2003 01241

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Maha Mengasihani. Selawat dan Salam Buat Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur Kehadrat Allah S.W.T kerana dengan Limpah dan RahmatNya jua, maka Kertas Projek ini dapat disiapkan.

Dikesempatan ini, sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi Terima Kasih saya tujuhan kepada Penyelia saya, Puan Azita bte Yonus @ Ahmad yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga serta memberi nasihat ,tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan Kertas Projek ini. Ucapan Terima Kasih juga buat penyelia bersama iaitu Profesor Madya Hariri selaku Dekan Fakulti Perniagaan Dan Ekonomi di atas nasihat dan pandangannya.Juga Terima Kasih buat Prof Madya Dr Omar Abdull Kareem selaku Timbalan Dekan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi yang telah mencetuskan idea dalam menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu sepanjang pengajian ini. Semoga Ilmu yang dicurahkan dapat dimanfaatkan kepada semua insan.

Ucapan Terima Kasih juga ditujukan buat rakan-rakan di PPD yang telah banyak membantu juga rakan-rakan sekolah yang banyak memberi dorongan dan kata-kata perangsang dalam meneruskan pengajian ini. Buat teman-teman seperjuangan terima kasih atas persinggahan persahabatan yang seketika ini. Semoga kejayaan sentiasa mengiringi perjuangan kita.Insyallah. Sesungguhnya pengajian ini tidak mengenal batasan usia. Buat adik-adik , jadikan ini sebagai dorongan untuk kejayaan di masa depan

Tidak lupa juga Ucapan Terima Kasih yang tak terhingga buat suami tersayang ,Azhan dan anak-anak Aisyah, Anas dan Aqilah yang telah banyak berkorban demi pengajian ini. Buat Ayah Dan Ibu, Terima Kasih atas dorongan dan kasih sayangmu.

Doa dan harapan saya, semoga Kertas Projek yang disediakan ini dapat memberi sedikit pengetahuan dalam bidang berkaitan.Insyallah.

Akhir sekali Ribuan Kemaafan saya pohonkan andainya terdapat kelemahan dalam penulisan ini dan ianya adalah dari kelemahan diri saya sendiri.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di 10 buah sekolah menengah di Daerah Klang Selangor. Aspek-aspek keselamatan dan kesihatan yang dikaji ialah aspek keselamatan makmal, bengkel, dan keselamatan umum meliputi kelas, kantin, bilik guru, tandas, padang dan gelanggang, aktiviti ko kurikulum dan aspek kebakaran. Kajian ini juga untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan dari aspek yang dikaji berdasarkan faktor demografi sekolah seperti lokasi sekolah, gred sekolah dan bilangan pelajar.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah disesuaikan daripada Buku Manual Polisi Sekolah Selamat. Sebanyak 120 orang respondan telah dipilih secara rawak daripada 10 buah sekolah di daerah Klang Selangor. Analisa min skor, peratusan, Ujian t dan ANOVA digunakan dalam membuat penganalisaan. Aras Signifikan telah ditetapkan pada aras 0.05 .

Hasil daripada kajian ini didapati bahawa tahap pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah-sekolah kajian berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu juga dapatkan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di bengkel berada pada rangking pertama diikuti makmal, aktiviti kokurikulum, aspek kebakaran, bilik guru,, padang dan gelanggang, kelas, kantin dan terakhir tandas. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan dari aspek makmal dan umum berdasarkan jumlah pelajar. Ini menunjukkan jumlah pelajar mempengaruhi tahap pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah.

Justeru dalam usaha untuk membentuk sekolah selamat semua pihak perlu memberi kerjasama yang memuaskan. Setiap aspek keselamatan dan kesihatan hendaklah diambilkira dalam pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah demi memastikan kejayaannya. Ianya juga memerlukan kerjasama daripada semua pihak melalui suatu perancangan pengurusan keselamatan yang rapi dan bersistematik.

ABSTRACT

RESEARCH ON SAFETY AND HEALTH PRACTICE IN SECONDARY SCHOOL. (A SURVEY IN KLANG SELANGOR)

This research has been conducted to measure the level of safety and health practice in ten different secondary schools in Klang , Selangor. The safety and health aspects which have been studied its level of implementations are in the laboratories, workshops, classrooms, canteens, staffrooms, toilets, fields and courts as well as the co-curricular activities and fire management. Besides, this research too has been proposed to identify any significant differences between the schools security and health practice with demographic factors such as schools location, grade and number of students.

The study uses questionnaire form which has been adapted from “Buku Manual Polisi Sekolah Selamat”.. About 120 respondents have been chosen randomly from ten schools in Klang . The respondents teach Living Skills, Science and other subjects. The min score, percentage, T Test and ANOVA have been used in making analysis for this research. The significant level that has been set at 0.05.

The result of the research shows that the level of security and health practice in schools is totally high. Besides, it proves that the implementation level of these two aspects in schools' workshops fall into the first rank, followed by laboratories, co-curricular activities, fire management, staffrooms, fields, courts, classrooms, canteens and toilets. Furthermore, the study has identified that there is a significant difference between the implementations of security and health in schools especially in workshops with the number of students. This has somehow shown that number of students may influence the security and health practice in schools.

As a whole, in order to achieve a status as a safe school, it demands high co-operation from everybody involved. Every aspect of health and security should be taken into consideration in order to succeed so that achievement can be gained. Besides, a thorough and systematic management plan need to be applied.

KANDUNGAN

Mukasurat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGHARGAAN	iii
--------------------	-----

ABSTRAK	iv
----------------	----

ABSTRACT	v
-----------------	---

DAFTAR KANDUNGAN	vi
-------------------------	----

SENARAI JADUAL	x
-----------------------	---

SENARAI RAJAH	xii
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xiii
--------------------------	------

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	7
1.3 Pernyataan Masalah	14
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Batasan Kajian	18

1.9 Definisi operational	18
1.9.1 Pelaksanaan	18
1.9.2 Amalan	19
1.9.3 Sekolah Menengah	19
1.9.4 Guru-guru	19
1.9.5 Keselamatan	20
1.9.6 Kesihatan	20
1.6.7 Konsep sekolah Selamat	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	22
2.2 Definisi dan Kosep Keselamatan dan Kesihatan	22
2.3 Faktor Kemalangan Dan Kecederaan	25
2.4 Konsep Sekolah Selamat	28
2.4.1 Tatacara Keselamatan Dan Kesihatan Mengikut Surat Pekeliling	30
2.4.2 Surat-Surat Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia	31
2.5 Amalan Keselamatan Dan Kesihatan di Sekolah	33
2.5.1 Keselamatan Struktur Fizikal sekolah	34
2.5.2 Keselamatan Sewaktu Kelas	35
2.5.3 Keselamatan di Makmal dan Bengkel	37
2.5.4 Keselamatan Aktiviti Sukan Dan Kokurikulum	40
2.5.5 Keselamatan Trafik Di Sekolah	43
2.5.6 Keselamatan Kebakaran	45
2.5.7 Keselamatan Semasa Lawatan	46
2.5.8 Keselamatan Makanan Dan Kesihatan	49
2.5.9 Mengenakan Tindakan Disiplin Mengikut Peraturan	49
2.6 Kajian Berkaitan Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah	52
2.6.1 Kajian Luar Negara	52
2.6.2 Kajian Dalam Negeri	54
2.7 Kesimpulan	59

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	57
3.2 Rekabentuk Kajian	57
3.3 Instrumen Kajian	59
3.4 Kajian Rintis	62
3.5 Sampel Kajian	63
3.6 Pentadbiran Soal Selidik	64
3.7 Analisis Data	64

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	67
4.2 Analisa Demografi Sekolah	68
4.2.1 Lokasi Sekolah	68
4.2.2 Gred Sekolah	69
4.2.3 Jumlah Pelajar	70
4.2.4 Jumlah Guru	71
4.2.5 Jumlah Staf	72
4.2.6 Urusan Kebersihan	73
4.2.7 Urusan Keselamatan	74
4.3 Analisa Pelaksanaan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan	75
4.4 Tahap Pelaksanaan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan.	77
4.5 Analisa Hipotesis Kajian.	79
4.6 Kesimpulan	85

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	86
----------------	----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ix

5.2	Perbincangan	86
5.3	Implikasi	92
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	92
5.3	Kesimpulan	93
BIBLIOGRAFI		99

LAMPIRAN A - Borang Soal Selidik**LAMPIRAN B - Tatacara Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah****LAMPIRAN C - Kelulusan Menjalankan kajian**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Mukasurat
3.1	Item Soalselidik Aspek Keselamatan Makmal 59
3.2	Item Soalselidik Aspek Keselamatan Bengkel 60
3.3	Item Soalselidik Aspek Keselamatan Umum 61
3.4	Hasil Kajian Rintis Borang Soalselidik 63
3.5(a)	Jumlah Skor Untuk Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan makmal Di Sekolah 65
3.5(b)	Jumlah Skor Untuk Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Bengkel Di Sekolah 65
3.5(c)	Jumlah Skor Untuk Tahap Pelaksanaan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum Di Sekolah 66
4.1	Taburan Sampel Mengikut Lokasi Sekolah 68
4.2	Taburan Sampel Mengikut Gred Sekolah 69
4.3	Taburan Sampel Mengikut Jumlah Pelajar 70
4.4	Taburan Sampel Mengikut Jumlah Guru 71
4.5	Taburan Sampel Mengikut Jumlah Staf 72
4.6	Taburan Sampel Mengikut Urusan Kebersihan 73
4.7	Taburan Sampel Mengikut Urusan Keselamatan 74
4.8	Aspek Pelaksanaan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Berdasarkan Urutan Keutamaan 75
4.8 (a)	Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Makmal 76
4.8 (b)	Pelaksanaan Amalan Keselamatan dan Kesihatan Bengkel 77



4.9	Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Makmal	77
4.10	Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Bengkel	78
4.11	Tahap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum	78
4.12	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Mengikut Lokasi Sekolah	79
4.13	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum Mengikut Lokasi Sekolah	80
4.14	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Mengikut Gred Sekolah	81
4.15	Aspek Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Umum Mengikut Gred Sekolah	82
4.16	Aspek Amalan Keseiamatan Dan Kesihatan Mengikut Jumlah pelajar	83



SENARAI RAJAH

No Rajah	Mukasurat
3.1	Rekabentuk Model Kajian 62
4.1	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Lokasi Sekolah 68
4.2	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Gred Sekolah 69
4.3	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Jumlah Pelajar 70
4.4	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Jumlah Guru 71
4.5	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Jumlah Staf 72
4.6	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Urusan Kebersihan 73
4.7	Carta Bar Taburan Sampel Mengikut Urusan Keselamatan 74

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Maksud
SPI	Surat Pekeliling Iktisas
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NIOSH	National International Occupational Safety and Healty (Institit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Negara)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Negara kini sedang bergerak pantas menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Dalam usaha mencapai hasrat ini, pendidikan merupakan wadah utama membentuk wajah masyarakat dan merupakan alat terpenting untuk menjayakan Wawasan Negara. Di Malaysia, pendidikan bertujuan untuk membolehkan masyarakat membina ilmu pengetahuan, memperolehi kemahiran, menghayati nilai murni yang diperlukan bagi merealisasikan wawasan negara untuk menjadi negara maju mengikut acuan tempatan (Nik Aziz Nik Pa, 1996).

Wujudnya Wawasan 2020 hasil cetusan idea bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Muhammad, telah mengajak setiap Warganegara Malaysia memikirkan tentang realiti negara maju telah membawa implikasi besar kepada fungsi institusi

pendidikan, terutamanya sekolah. Dalam konteks ini, institusi pendidikan mestilah lebih bersedia ke arah pemantapan, melalui peningkatan dan keberkesanan organisasi. Adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan pentadbir institusi pendidikan untuk memastikan kejayaan institusi berkenaan dengan mengintegrasikan sumber manusia , yang terdiri daripada kalangan guru dan kakitangan pentadbiran, dan tenaga ekonominya secara optimum dan cekap (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Sargent (1967) menjelaskan pengukur utama kejayaan sesebuah sekolah ialah darjah keupayaannya memberi pendidikan yang baik kepada para pelajarnya. Sekolah akan diklasifikasikan sebagai sebuah sekolah yang baik jika keputusan peperikasaan awam yang dicapainya adalah baik mengatasi sekolah-sekolah lain. Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa faktor kemudahan fizikal sekolah serta persekitaran sekolah yang selamat turut berperanan membantu kejayaan sesebuah sekolah. Ini bererti isu-isu keselamatan dan kesihatan sekolah turut berperanan secara langsung dan memberi kesan kepada kejayaan sesebuah sekolah.

Menurut Banks (2001) persekitaran sekolah merupakan pengaruh utama dalam mempercayai kebolehan yang ada untuk menang, pembelajaran dan produktiviti. Ini kerana persekitaran mesra, selamat dan menggalakkan dapat membantu pelajar percaya terhadap potensi mereka dan menyediakan motivasi untuk berjaya terutamanya jika mereka merasakan diri mereka dihormati dari semua segi kepelbagaiannya termasuk perbezaan bakat dan jenis pembelajaran. Persekitaran seperti ini juga memerlukan isu keselamatan di sekolah. . Menurut Edmond (2001) dalam Snowden dan Gorton (2002)

menyatakan persekitaran selamat merupakan kualiti dan frekuansi dalam interaksi antara pekerja di sekolah dan pelajar, sesama pelajar, sesama pekerja dan antara pekerja di sekolah dan ibubapa serta komuniti. Sama ada persekitaran adalah positif atau negetif boleh ditentukan melalui suasana yang dibentuk dari interaksi tersebut.

Banks (2002) menyatakan bahawa kebanyakan pelajar selalu tinggal di rumah kerana takut dibuli. Mangsa selalu takut untuk pergi ke sekolah dan menganggap sekolah sebagai tempat yang tidak selamat dan tidak gembira. Kenyataan ini berlawanan dengan persekitaran sekolah yang positif di mana ia dapat menggalakkan pencapaian akademik dan pembangunan sosial .Menurut Freibeig (2004) persekitaran sekolah boleh menjadi pengaruh positif ke atas kesihatan dalam pembelajaran atau sempadan untuk pembelajaran. Namun kebelakangan ini fenomena sekolah selamat sering menjadi isu yang mendapat liputan menyeluruh. Fenomena ini mungkin berpunca daripada kurang keyakinan masyarakat terhadap tahap keselamatan di sekolah-sekolah. Mitchell (2001) membayangkan kebimbangan ibubapa di Amerika Syarikat tentang keselamatan anak-anak mereka di sekolah kerana sekolah dianggap tidak lagi selamat. Tanggapan ini bukan sahaja menghantui ibubapa malah guru-guru dan pelajar-pelajar di Malaysia.

Aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah adalah satu aspek yang perlu diambil berat oleh pihak sekolah bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan selesa kepada warganya. Seterusnya isu ini perlu diurus dengan baik oleh pihak pengurusan (Mohd Yazam, 2001). Pihak pentadbir sekolah perlu perihatn dengan isu ini kerana masalah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja boleh menjaskan produktiviti dan kualiti kehidupan kerja. Kemalangan dan penyakit yang dialami pekerja boleh mempengaruhi

keberkesanan sesebuah firma dan semangat pekerjanya (Mohd Yazam, 2001). Begitu juga dalam konteks sekolah, pihak pengetua khususnya dan warga sekolah amnya perlulah sama-sama memainkan peranan dalam menjadikan sekolah sebagai satu tempat yang selamat, mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif serta mempunyai peraturan yang dapat membantu keselamatan semua warganya.

Dalam kajian Hazler & Carney (2000) dan Hoover & Oliver (1991) ke atas keselamatan sekolah, mendapati betapa pentingnya mempertingkatkan aspek keselamatan di sekolah bagi kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar dan seluruh warga sekolah. Lehr & Martin (1994) dan Sautter (1995) pula mendapati bahawa ibubapa, pekerja, pentadbir dan guru-guru mahukan agar mereka berada dalam keadaan selamat dan selesa apabila berada di sekolah. Justeru bagi pelajar khususnya, persekitaran yang selamat adalah perlu dalam membentuk sahsiahnya baik dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Ini kerana sekolah adalah institusi yang bertanggungjawab untuk memperkembangkan potensi individu. Sehubungan dengan itu, pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah sama ada di dalam atau pun di luar kawasan sekolah yang bertujuan memberi sebanyak mungkin pendedahan dan pengalaman kepada murid perlulah mengambil kira aspek keselamatan dan kesihatan pelajarnya.

Apabila aspek keselamatan dan kesihatan tidak diberi keutamaan banyak kemalangan boleh berlaku. Oleh itu satu tatacara tindakan murid dan juga pihak guru perlu disediakan supaya semua pihak faham apakah tindakan yang perlu dilakukan supaya kemalangan boleh dielakkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Menurut laporan (Utusan Malaysia 20 Februari 1997) terdapat juga sekolah-sekolah yang

dikatakan tidak selamat dari segi fizikalnya akibat keuzuran struktur bangunannya serta lokasinya yang tidak kondusif untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Perubahan dalam iklim pendidikan dewasa ini juga telah mewujudkan keperluan mengenal pasti kaedah, strategi dan model program yang mampu mempertingkatkan keselamatan dan kesihatan murid serta guru. Oleh itu pihak keluarga, sekolah, dan komuniti harus bertanggungjawab untuk mewujudkan Polisi Sekolah Selamat dan Sekolah Sihat serta memupuk amalan-amalan keselamatan dan kesihatan dalam diri setiap warganya. Dalam manual Polisi Sekolah selamat yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2002, jelas menunjukkan betapa pentingnya aspek keselamatan dan kesihatan diutamakan oleh semua pihak sama ada pentadbir, guru-guru, pelajar, ibubapa dan masyarakat.



Menurut Kementerian Pendidikan (2000) terdapat beberapa bidang yang perlu diberi keutamaan dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan pelajar iaitu bidang aktiviti murid, bidang bencana alam, bidang sosial, bidang persekitaran dan lokasi sekolah. Pihak sekolah perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini. Ini kerana menurut Tie Fatt Hee (2002) dewasa ini, peningkatan kesedaran di kalangan ibu bapa dan pelajar mengenai hak mereka menyebabkan mereka lebih sanggup dan berani mengambil tindakan mahkamah terhadap guru dan pentadbir sekolah untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau tuntutan. Ini berlainan pada masa lalu pihak ibubapa dan pelajar hanya mampu berdiam diri apabila berhadapan dengan keperitan dan penderitaan yang disebabkan oleh kecuaian pihak sekolah yang tidak bertanggungjawab. Pihak sekolah dalam era milianum kini perlu lebih bersedia dan ke hadapan bagi menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan



di sekolah dengan lebih proaktif . Banyak kes-kes mahkamah yang berlaku menghendaki pihak sekolah meningkatkan kewajipan berjaga-jaga yang tinggi terhadap pelajar seperti kes *Carmarthenshire County Council Lawan Lewis [1995]* I England Law Report 565 , Kes *Government of Malaysia & Ors lawan Jumaat bin Mahmud & Anor [1977]* 2 MLJ 103, kes *Zazlin Zahira Haji Kamaulzaman menuntut melalui bapa dan penjaganya Hj Kamrulzaman Mohd Ali Lwn Louis Marie Neube Rt Ambrose & 2 lagi.* kes *Mohamed Raihan Bin Ibrahim & Anor Lawan Government of Malaysia & Ors [1981]* 2 MLJ 27 , kes *Urguhart lawan Ashburton High School Board of Governors [1921]* NZLR 164 , kes *Headmistress, Methodist Girls School & Ors. Lawan Headmaster, Anglo-Chinese Primary School & Anor [1984]* 1 MLJ 293, kes *Chen Soon Lee v. Chong Voon Pin dan Lain-lain [1966]* 2 MLJ 264 dan banyak lagi.



Justeru guru-guru dan pihak pentadbir sekolah perlulah mempertingkatkan diri dengan pengetahuan yang lengkap dan mendalam mengenai rangka perundangan yang berkaitan bidang pendidikan. Pengetahuan yang mendalam ini dapat membantu para pendidik mengurangkan risiko pendakwaan daripada ibubapa dan pelajar khususnya apabila langkah-langkah pengurusan risiko yang munasabah diamalkan. Pengurusan pihak sekolah juga akan menjadi lebih sistematik dan berkesan apabila para pendidik sekolah peka dan perihatit terhadap perkembangan baru dalam bidang undang-undang pendidikan yang semakin berkembang di negara kita. (Tai Fatt Hee, 2002). Oleh itu pihak sekolah dan guru perlulah mengikut peraturan dan sentiasa mendalamai peraturan, surat-surat pekeliling ikhtisas dan surat-surat pekeliling pentadbiran dalam segala urusan pentadbirannya terutama dalam mengendalikan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan warganya.



Polisi dan amalan keselamatan dan kesihatan yang berterusan perlu diwujudkan kerana keselamatan sekolah amat penting dan ia perlu diawasi dan difahami oleh pihak pentadbir sekolah dengan jelas. Banyak kejadian yang tidak diingini dan meningkatnya kes-kes mahkamah berlaku akibat kecuaian pihak sekolah dan ini juga melibatkan tuntuan gantirugi yang besar. (Tie Fatt Hee , 2002) . Jadi sewajarnyalah kebijakan, keselamatan dan kesihatan pelajar dijadikan pertimbangan utama pada setiap masa dan pihak pentadbir sekolah perlulah sentiasa ingat dan peka serta berwaspada terhadap kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini di sekolah.

1.2 Latarbelakang Kajian

Institusi pendidikan amat penting bagi penerus, kesinambungan dan penentuan ke arah mencapai matlamat sesebuah negara. Dengan kata lain , institusi pendidikan merupakan tulang belakang kepada hasrat negara untuk mencapai wawasan pembangunan . Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, maka institusi pendidikan harus lebih mantap dan bersedia untuk menangani arus perubahan yang deras yang boleh menumbangkan negara. (Nik Aziz Nik Pa,1996)

Mengikut perangkaan terdapat 5 juta pelajar sekolah rendah dan menengah bagi tahun 2002 di Malaysia (Perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia 2002). Menurut Tie (2002) peningkatan bilangan pelajar yang ramai jika dibandingkan pada masa dahulu mempunyai implikasi terhadap pengurusan dan pentadbiran sekolah. Selain daripada kompleksiti pengurusan yang bertambah, pihak sekolah juga menghadapi cabaran rumit melindungi pelajar dari risiko kemalangan. Setiap tahun, ramai pelajar



terdedah kepada risiko kecederaan fizikal di sekolah akibat kemalangan yang boleh berlaku sama ada di dalam kawasan sekolah ataupun semasa perjalanan ke sekolah.

Taraf pengetahuan, kesihatan dan ekonomi yang bertambah baik masa kini menyebabkan peningkatan bilangan pelajar yang ramai. Implikasinya tanggungjawab pengurusan dan pentadbiran undang-undang keselamatan pelajar menjadi lebih kompleks. Pihak sekolah dan guru mempunyai peranan *in locco parentis* dengan mengambil alih tugas dan tanggungjawab penuh ibu bapa kepada pelajar sewaktu di sekolah. Maka segala beban tanggungjawab terpikul sepenuhnya ke atas pihak sekolah sepanjang masa persekolahan. Tanggungjawab sekolah untuk keselamatan setiap pelajar bermula apabila pelajar meninggalkan rumah sehingga pulang.

Sememangnya, kehadiran pelajar ke sekolah merupakan amanah ibubapa serta masyarakat kepada sekolah dengan harapan pelajar dapat dibentuk menjadi masyarakat berguna melalui pembelajaran dan pengetahuan berguna. Sekolah adalah tempat pelajar berkawan dan berinteraksi, bermain di samping menimba ilmu pengetahuan di bawah kawalan dan peraturan serta undang-undang sekolah. Oleh itu demi kesejahteraan sekolah dan masyarakat, kesejahteraaan pelajar di sekolah adalah sangat penting dijaga oleh pengurusan dan pentadbiran sekolah dengan menyediakan persekitaran dalaman dan luaran yang selamat dan menyediakan suasana yang kondusif untuk proses pembelajaran berjalan dengan berkesan di mana pelajar dapat menjalankan sebarang aktiviti di sekolah dengan lancar dan selamat dari risiko kemalangan.

Namun, apa yang jelas, mutakhir ini media massa sering membuat liputan tentang keselamatan dan kesihatan di sekolah yang agak longgar. Aspek fizikal, sosial, emosi dan teknikal digambarkan seolah-olah kurang selamat dan kurang menyakinkan





orang ramai. Namun realitinya bukanlah semua sekolah berkeadaan begitu. Kerana banyak lagi sekolah di negara ini yang berada dalam keadaan selamat dan berfungsi secara efektif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Namun dalam banyak keadaan aspek keselamatan dan kesihatan kerap diabaikan dan jarang dijadikan asas utama pertimbangan dan dewasa ini sekolah terdedah dengan isu-isu keselamatan dan kesihatan fizikal, sosial, emosi dan teknikal (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Isu yang menjadi persoalan, sejauhmana pelajar benar-benar selamat berada di sekolah. Selamat dari kemalangan dan kecederaan khususnya sewaktu berada di sekolah atau di bawah pengawasan pihak sekolah. Peristiwa pembunuhan kejam Audrey Mellisa 17 tahun dari Sekolah Perempuan Methodits Kuala Lumpur berdekatan kawasan sekolah (Berita Harian 19 Mei 1999), kes pelajar keracunan makanan di kantin sekolah di Sekolah Menengah Lembing, Pahang (Berita Harian 29 Oktober 1999) dan kes kematian seorang pelajar Tingkatan Empat, Wan Noorain Wan Ali dari Sekolah Menengah Afzan, Kuantan akibat wabak demam denggi (Berita Harian Jumaat 28 Januari 2005) juga menghendaki pihak sekolah sentiasa peka dengan isu-isu keselamatan dan kesihatan di sekolah. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim yang mengulas kematian pelajar akibat demam denggi baru-baru ini berkata :

“Kita tidak mahu sekolah menjadi punca dan tempat berlaku pembiakan nyamuk aedes, sebaliknya menjadi tempat selamat kepada semua sebagaimana konsep “Sekolah Selamat” yang kita lancarkan. Pihak pengurusan sekolah juga tidak boleh menjadikan alasan kekurangan kakitangan seperti tukang kebun bagi menjaga kebersihan dan persekitaran sekolah”. (Berita Harian Jumaat 28 Januari 2005).

Terbaru kes kematian 5 orang pelajar dan seorang guru dari SMK Agama Tok Jiring, Terengganu akibat lemas sewaktu mandi di Pantai Merang setelah mengikuti Program Kecemerlangan Jati Diri (Berita Harian 10 Februari 2005) dan kes kemalangan



membabitkan guru yang membawa pelajar sekolah untuk pergi ke partandingan sukan di Kota Tinggi , Johor adalah antara peristiwa yang telah menyedarkan orang ramai dan masyarakat khususnya bahawa pelajar tidak terlepas dari risiko kemalangan dan kecederaan. Kesemua kes ini telah membuka mata seluruh masyarakat bahawa isu-isu keselamatan dan kesihatan pelajar tidak boleh di pandang ringan malah perlu ditangani segera.

Keselamatan sekolah tidak sepatutnya terhad kepada aspek yang berhubung dengan disiplin dan ancaman jenayah kepada keselamatan pelajar tetapi turut meliputi isu seperti bangunan sekolah, peralatan dan semua kemudahan lain. (Dr Lee Lam Tye 2002. Lee Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) (Bernama 25 Februari 2005). Ini kerana keadaan persekitaran sekolah seperti bangunan sekolah yang merosot p dari segi keceriaan dan keselamatan merendahkan moral pelajar (Frazier, 2002). Selain merbahayakan pelajar, kes makmal komputer sekolah baru dibina yang runtuh di Bera, Pahang (Berita Harian 5 Mac 2002) telah menjatuhkan imej sistem pengurusan institusi pendidikan dalam hal penguatkuasaan undang-undang keselamatan. Namun persoalan yang menjadi tandatanya, bagaimanakah pelaksanaan amalan keselamatan di sekolah di laksanakan sehingga pihak sekolah tidak dapat mengesan masalah berkaitan keselamatan dan kesihatan yang wujud di kalangan pelajar sehingga nyawa pelajar menjadi galang ganti

Berdasarkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku, yang melibatkan isu keselamatan dan kesihatan pelajar, apa yang menjadi persoalannya sejahteran pihak sekolah telah menjadikan amalan keselamatan dan kesihatan dalam setiap pengurusanya dan sejahteran mereka peka dengan aspek keselamatan dan kesihatan di sekolah.

Tambahan pula dalam banyak kes ianya banyak melibatkan kecuaian pihak sekolah dalam mengambil langkah berjaga-jaga terhadap amalan-amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah. Terdapat segelintir guru pula yang kurang peka, dan kurang pengetahuan dalam mengendalikan aspek-aspek keselamatan di sekolah. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Pelajar pula perlu ditekankan dengan aspek bagaimana menjaga keselamatan diri dari segala segi. Justeru menurut Row & Crow (1983) guru sepatutnya boleh mengarah, membimbing dan menggerakkan pelajar untuk membina sikap yang disegani. Pelajar yang sentiasa didedahkan dan ditekankan dengan peraturan mudah mengikut peraturan keselamatan yang ditetapkan Justeru sebagai guru, khususnya akauntabiliti merupakan satu komponen yang signifikan dalam perlaksanaan sesuatu tanggungjawab. Keadaan ini dapat diperhatikan dalam kenyataan yang telah dikemukakan dalam satu kes *Community School Bd. Dist 25 lawan Ronald Drea*, N.Y.Y. Ed Dept dan dilaporkan oleh Gross (198) seperti berikut :

“ Seseorang individu yang menerima jawatan sebagai seorang guru meletakkan dirinya dan tingkah lakunya dalam arena perhatian orang awam. Apa yang sedia diterima oleh orang lain sebagai sebahagian daripada kehidupan yang biasa mempunyai tafsiran yang berlainan, jika tingkah laku demikian di lakukan oleh seorang guru. Seorang guru mempunyai kedudukan istimewa dalam komuniti. Pengaruh seseorang guru dan kesaannya terhadap pelajar melampaui sempadan bilik darjah dan sekolah. Guru berada dalam kedudukan in loco parentis. Guru menjadi model peranan untuk pelajar. Guru juga menjadi seorang penyebar nilai-nilai komuniti. Guru bertanggungjawab terhadap kebajikan dan kesejahteraan semua pelajar. Peranan guru melibatkan semua perkara di atas dan tanggungjawabnya adalah sangat luas “

Ini seterusnya meletakkan beban dan tanggungjawab guru untuk memastikan program pendidikan berjalan dengan lancar seterusnya memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar di sekolah bertambah berat.



Kes-kes kecuaian pihak sekolah dalam soal keselamatan sehingga berlakunya kecederaan dan kemalangan yang tidak diingini kepada pelajar memperlihatkan kepada umum kegagalan pihak sekolah melaksanakan tanggungjawab walaupun pada dasarnya pihak sekolah melaksanakan langkah-langkah keselamatan di sekolah berpandukan arahan-arahan dalam surat pekelailing iktisas (SPI) sehingga buku manual sekolah selamat dikeluarkan serentak dengan polisi sekolah selamat tahun 2002.

Sungguhpun pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan sekolah cukup selamat namun mereka masih kurang pengetahuan. Kekurangan kajian berkaitan keselamatan pelajar di persekitaran sekolah di Malaysia serta tiada tempat rujukan menyebabkan pihak sekolah kadang kala sukar menyelesaikan sesuatu masalah. Ini ditambah polisi dasar perlaksanaan sekolah selamat yang agak baru sudah tentunya menyebabkan pihak sekolah berada dalam situasi yang pelbagai kerana keupayaan sekolah yang berbeza-beza sama ada dari segi sumber, kepakaran maupun prasarana.

Situasi sebegini secara tidak langsung mengheret pelajar berada dalam situasi risiko kemalangan, kecederaan atau masalah anasir jenayah yang tidak diduga. Tambahan pula ini berikutan sekolah-sekolah di negara ini jarang atau tidak mempunyai amalan membuat penilaian keperluan keselamatan (Chee.P.K et. al. 2002). Akibatnya tidak banyak sekolah yang dapat menyediakan persekitaran sekolah yang benar-benar selamat untuk pelajarnya bagi mengelakkan risiko kemalangan atau kecederaan. Kebanyakan sekolah sehingga kini cukup hanya mengekalkan keadaan keselamatan bergantung semata-mata kepada pekeliling perkhidmatan yang ringkas dan umum malah kurang up



to date dari segi kandungan sebagai garis panduan untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan bagi pelajar di sekolah.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kemalangan tidak dapat dihapuskan. Kemalangan adalah satu perkara yang tidak dapat dijangka. Ia boleh berlaku di mana-mana. Namun sebagai seorang manusia, kita diberi akal untuk berfikir bagaimana mengurangkan risikonya (Abd Aziz, 2002). Oleh itu dalam usaha mencegah kemalangan, suatu penilaian perlu dibuat terhadap aktiviti dan amalan keselamatan dan kesihatan pekerja itu sendiri. Begitu juga dalam konteks sekolah, pihak sekolah perlu dari masa ke semasa menilai kembali program atau amalan-amalan keselamatan dan kesihatan yang telah dirancangkan bagi meningkatkan kesedaran warganya tentang pentingnya aspek keselamatan dan kesihatan diamalkan serta dijadikan satu budaya di sekolah.

Apa yang jelas, dalam konteks di sekolah ianya banyak melibatkan faktor kecuaian. Kecuaian di sekolah merupakan satu fenomena signifikan yang semakin meningkat pada masa kini (Fisher, Schimmel & Kelly, 1999). Keadaan ini disebabkan oleh kesedaran tentang hak individu di kalangan ibu bapa dan juga di pengaruhi oleh perkembangan yang telah dialami di negara Barat di mana pada masa kini, masyarakat Barat telah bertukar menjadi sebuah masyarakat yang sedia pada bila-bila masa mendakwa individu lain berdasarkan alasan yang tidak serius. Dalam erti kata lain, masyarakat tersebut telah berbentuk “*litigious*” (Tronc, 1996 ; Ramsay & Shorten , 1996).



1.3 Pernyataan Masalah

Sehubungan dengan latarbelakang kajian yang dinyatakan diatas, adalah wajar kajian dijalankan. Justeru aspek keselamatan dan kesihatan merupakan satu isu yang penting ditekankan kerana persekitaran yang selamat dapat membentuk suasana pembelajaran yang aman dan harmoni kepada semua warga sekolah. Sebarang kejadian yang tidak diingini terutama dari aspek keselamatan dan kesihatan warganya perlulah dielakan agar tidak berlaku sebarang pemasalahan kepada pihak sekolah dan pelajar khususnya.

Pihak pengurusan pula perlu memainkan peranan dalam mengurangkan kes-kes yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pelajar yang mana ia berkait langsung dengan kos tuntutan terhadap tindakan mahkamah yang di buat oleh ibu bapa atau pelajar itu sendiri. Berdasarkan perbincangan di atas juga, dapatlah dibuat rumusan bahawa aspek keselamatan dan kesihatan adalah satu isu yang perlu diberi perhatian khususnya pihak sekolah. Bagaimana sekolah merealisasikan segala hasratnya perlu diterjemahkan dalam persekitaran selamat yang disediakan untuk seluruh warganya. Lantaran itu, pengetua memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan kepemimpinannya bagi menjadikan iklim sekolah yang sentiasa selamat dan harmoni serta disukai oleh warganya. Apakah amalan-amalan keselamatan dan kesihatan yang ada diamalkan di sekolah dan bagaimana perhatiannya pihak pentadbiran dalam hal ini bagi mewujudkan sekolah yang selamat seringkali menjadi perbualan hangat. Justeru penumpuan kepada perlaksanaan amalan-amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah akan difokuskan oleh penyelidik dalam kajian ini.

Kajian ini bagaimanapun hanya ingin melihat setakat mana tahap perlaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang diamalkan oleh pihak sekolah dalam



1.3 Pernyataan Masalah

Sehubungan dengan latarbelakang kajian yang dinyatakan diatas, adalah wajar kajian dijalankan. Justeru aspek keselamatan dan kesihatan merupakan satu isu yang penting ditekankan kerana persekitaran yang selamat dapat membentuk suasana pembelajaran yang aman dan harmoni kepada semua warga sekolah. Sebarang kejadian yang tidak diingini terutama dari aspek keselamatan dan kesihatan warganya perlulah dielakan agar tidak berlaku sebarang pemasalahan kepada pihak sekolah dan pelajar khususnya.

Pihak pengurusan pula perlu memainkan peranan dalam mengurangkan kes-kes yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pelajar yang mana ia berkait langsung dengan kos tuntutan terhadap tindakan mahkamah yang di buat oleh ibu bapa atau pelajar itu sendiri. Berdasarkan perbincangan di atas juga, dapatlah dibuat rumusan bahawa aspek keselamatan dan kesihatan adalah satu isu yang perlu diberi perhatian khususnya pihak sekolah. Bagaimana sekolah merealisasikan segala hasratnya perlu diterjemahkan dalam persekitaran selamat yang disediakan untuk seluruh warganya. Lantaran itu, pengetua memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan kepemimpinannya bagi menjadikan iklim sekolah yang sentiasa selamat dan harmoni serta disukai oleh warganya. Apakah amalan-amalan keselamatan dan kesihatan yang ada diamalkan di sekolah dan bagaimana perihatinya pihak pentadbiran dalam hal ini bagi mewujudkan sekolah yang selamat seringkali menjadi perbualan hangat. Justeru penumpuan kepada perlaksanaan amalan-amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah akan difokuskan oleh penyelidik dalam kajian ini.

Kajian ini bagaimanapun hanya ingin melihat setakat mana tahap perlaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang diamalkan oleh pihak sekolah dalam

mewujudkan suasana pembelajaran dan persekitaran yang selamat kepada semua warganya. Bertepatan dengan pendapat Dr Lee Lam Tye, Pengurus NIOSH (National International Occupational Safety and Health) dalam Berita Harian 25 Februari 2002 agar menggunakan kajian bagi merangka dan melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan kepada semua warga sekolah di Malaysia. Sehingga kini menurut beliau kajian tentang sekolah selamat dalam situasi di negara ini masih kurang dan sebagai langkah berjaga-jaga yang berterusan adalah mustahak kajian dijalankan .

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini untuk :

1. Mengetahui tahap pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah dari pelbagai aspek seperti keselamatan bengkel, makmal, kelas, bilik guru, padang, tandas, aktiviti ko kurikulum dan aspek kebakaran mengikut keutamaan (rangking).
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah yang di kaji berasaskan faktor demografi sekolah seperti lokasi sekolah, gred sekolah dan jumlah pelajar

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang diamalkan oleh guru-guru di sekolah-sekolah Daerah Klang, Selangor.



Persoalan kajian adalah seperti di bawah:

1. Adakah terdapat tahap urutan keutamaan (rangking) bagi aspek amalan keselamatan dan kesihatan yang dikaji.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan aspek amalan keselamatan dan kesihatan yang dikaji berdasarkan lokasi sekolah.
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara aspek pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang dikaji berdasarkan gred sekolah.
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara aspek pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang dikaji berdasarkan jumlah pelajar

1.6 Hipotesis Kajian.



Beberapa hipotesis telah dibentuk bagi kajian ini.

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan aspek bengkel dan makmal berdasarkan lokasi sekolah.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan aspek umum berdasarkan lokasi sekolah.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan aspek makmal dan bengkel berdasarkan gred sekolah.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan umum berdasarkan gred sekolah



5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min skor amalan keselamatan dan kesihatan berasaskan jumlah pelajar

1.7 Kepentingan Kajian

Menurut Culey & Reitan (2002), persekitaran sekolah adalah penting bagi kelancaran perjalanan aktiviti pembelajaran di sekolah. Pihak pengurusan sekolah pula bukanlah kumpulan individu yang pakar dilihat dalam hal pentadbiran dan pengurusan keselamatan yang dapat memastikan langkah-langkah keselamatan dan persekitaran sekolah yang sedia ada benar-benar selamat.. Oleh itu hasil daripada kajian ini dapat menjelaskan tentang tahap pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah khususnya di daerah Klang. Selangor . Kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah dalam meningkatkan lagi tahap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah. Ini kerana aspek keselamatan dan kesihatan adalah satu aspek yang paling penting untuk diuruskan bagi mengelakkan sebarang kejadian atau kemalangan yang tidak diingini.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pengetua-pengetua berkaitan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan yang perlu dititikberatkan dan diamalkan secara konsisten dan berterusan bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan sekolah.

Melalui kajian ini juga diharap dapat menambahkan lagi sumber rujukan dan mencetuskan minat ramai pengkaji pendidikan untuk membuat kajian berkaitan keselamatan dan kesihatan dalam konteks di sekolah.

1.8 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada 10 buah sekolah Daerah Klang, Selangor. Oleh itu maklumat yang diperolehi daripada kajian ini adalah terbatas kepada sekolah yang terletak di daerah Klang, Selangor sahaja. Segala dapatan daripada kajian ini hanya boleh menggambarkan amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah dalam daerah Klang, Selangor sahaja dan tidak boleh ditadbir untuk semua sekolah menengah di daerah atau negeri lain kecuali jika ia mempunyai keadaan dan faktor-faktor yang sama dengan tempat kajian dijalankan.

Tambahan pula kajian ini hanya menggunakan soalselidik. Oleh itu dapatan kajian bergantung kepada keupayan responden menggunakan ingatan mereka tentang sesuatu aspek keselamatan dan kesihatan yang dikaji. Kekangan masa yang terlalu pendek iaitu⁶⁸ empat bulan juga membataskan skop kajian ini. Justeru adalah disarankan agar kajian-kajian yang akan datang dibuat secara lebih menyeluruh agar dapatan yang lebih tepat dapat diperolehi.

1.9 Definisi Istilah Kajian.

1.9.1 Pelaksanaan

Pelaksanaan dalam kajian ini merujuk kepada penyediaan penguatkuasaan peraturan dan langkah-langkah keselamatan di sekolah berdasarkan polisi sekolah selamat. Ianya merangkumi segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan dengan tujuan ke arah sekolah selamat yang terkandung dalam surat pekeliling iktisas KPM dan buku manual sekolah selamat, 2002.

1.9.2 Amalan

Mengikut Kamus Dewan (1986) amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan, dikerjakan atau dilaksanakan pada kebiasaannya. Bagi maksud kajian ini amalan adalah peraturan atau tindakan yang sering dilakukan oleh guru-guru atau pihak sekolah dalam menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan di sekolah.

1.9.3 Sekolah Menengah

Sekolah dalam kajian ini adalah sekolah menengah kerajaan . Mengikut Akta Pendidikan 1996 sekolah menengah ertinya sekolah yang menyediakan pendidikan menengah yang sesuai bagi murid yang baru sahaja tamat mengikuti pendidikan menengah rendah. Dengan kata lain satu institusi pendidikan yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran.³³² Untuk maksud kajian ini sebanyak 10 buah sekolah menengah yang terlibat iaitu SMK Meru , SMK Perempuan Kapar, SMK Tengku Idris Shah, SMK Bukit Kuda, SM Tinggi Klang , SMK Kampung Jawa, SMK Bandar Sultan Sulaiman, SMK Convent , SMK La Salle dan SMK (P) Methodist yang kesemuanya terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Pendidikan Daerah Klang dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

1.9.4 Guru-guru

Pendidik atau pengajar yang bertanggungjawab untuk membawa perubahan terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal murid-murid. Guru-guru ini adalah terlatih dalam bidang pendidikan dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Guru-guru yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru-guru di

sekolah menengah yang mengajar matapelajaran Kemahiran Hidup, Sains dan guru matapelajaran lain.

1.9.5 Keselamatan

Mengikut Kamus Dewan (1986), keselamatan adalah perihal selamat, kesejahteraan, keamanan, tidak bahaya dan tiada ancaman serta gangguan emosi. Menurut Mondy dan Noe III (1993) keselamatan merujuk kepada usaha majikan atau pengurusan sesebuah organisasi dalam melindungi para pekerjanya daripada mengalami sebarang kecederaan yang mungkin disebabkan oleh kemalangan bersabit kerja yang mereka lakukan.

1.9.6 Kesihatan.

Kesihatan merujuk kepada usaha majikan atau pengurusan dalam memastikan agar pekerja bebas daripada mengalami penyakit-penyakit fizikal atau mental (Mondy dan Neo 1993). Manakala Goetsch (1996) mengatakan aspek kesihatan adalah menitikberatkan interaksi dengan kecederaan yang diakibatkan oleh kemalangan yang berlaku di tempat kerja.

1.9.7 Konsep Sekolah Selamat

Dalam memperkatakan tentang keselamatan dan kesihatan di sekolah adalah tidak dapat dielakkan dari memperkatakan tentang sekolah selamat yang telah diperkenalkan pada tahun 2002 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2002) konsep sekolah selamat adalah persekitaran sekolah yang selamat di mana warga sekolah merasa selamat tanpa gangguan daripada mana-mana pihak sama

ada dari dalam mahupun dari luar. Berdasarkan Buku Konsep Dan Manual Sekolah Selamat (Kementerian pendidikan Malaysia , 2002), terdapat 5 bidang utama bagi menangani isu keselamatan iaitu :

- Bidang Aktiviti Murid
- Bidang Bencana Alam
- Bidang Fizikal dan Bangunan Sekolah
- Bidang Sosial
- Bidang Persekitaran dan Lokasi Sekolah